

# KPDNHEP rampas produk minuman kesihatan palsu

5 wanita alami simptom muntah, sakit perut buat komen dalam Facebook syarikat pengeluar

Oleh Hadzlihady Hassan  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Lima wanita mengalami simptom muntah, mual dan sakit perut selepas minum produk minuman kesihatan dipercayai tiruan dibeli di dua premis sekitar Bukit Jambul, di sini, Ahad lalu.

Berikutan tidak berpuas hati dengan apa yang berlaku, semua wanita terbabit meninggalkan komen dalam Facebook syarikat pengeluar minuman kesihatan berkenaan.

Hasil siasatan lanjut, pemilik syarikat menyesyaki semua mangsa membeli produk tiruan dan membuat laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang.

Susulan maklumat itu, sepasukan sembilan anggota KPDNHEP negeri bersama wakil pemilik cap dagang melakukan operasi pada jam 2 petang kelmarin.

Ketua Penguat Kuasa KPDNHEP Pulau Pinang, Chin Ching Chung, berkata dalam serbuan itu, pihaknya merampas dan menyita 57 botol minuman kesihatan disyaki tiruan bernilai RM1,596.

"Kita dapati produk minuman



**Ching Chung menunjukkan produk minuman kesihatan tiruan yang dirampas pada sidang media di Pejabat KPDNHEP Pulau Pinang di Georgetown, semalam.**

(Foto Shahnaz Fazlie Shahrizal/BH)

tiruan untuk kesihatan wanita itu dijual dengan harga RM18 sebotol berbanding harga produk asli RM32.

"Pemilik premis didapati sudah setahun menjalankan per-

niagaan di situ dan ketika ditanya, dia mendakwa tidak tahu sama ada produk dijual itu palsu atau tidak," katanya pada sidang media di Pejabat KPDNHEP negeri di sini, semalam.

Ching Chung berkata, pihaknya juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan menghantar sampel kepada Jabatan Kimia bagi mengetahui kandungan dalam produk terbabit.

"Siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 kerana membekalkan barang yang suatu perihal dagangan palsu diguna-

kan," katanya.

Beliau berkata, pengguna dinasihatkan berhati-hati jika ada ejen atau pemborong menawarkan produk pada harga terlalu murah kerana kebiasaannya ia tiruan tetapi kelihatan hampir sama dengan produk asli.

"Bagi produk tiruan yang dirampas ini, ada beberapa perbezaan ketara seperti bau, kepekatan minuman dan warna bungkusan sedikit pudar.

"Selain itu, pengguna juga boleh mengenal pasti sama ada produk itu asli atau tiruan dengan menggunakan kaedah imbasan QR Code," katanya.

## Fakta Nombor

### RM1,596

nilai 57 botol minuman kesihatan tiruan dirampas KPDNHEP